

# IBUFEN SYRUP/TABLET

Ibuprofen (100mg/5ml, 200mg, 400mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan IBUFEN
2. Bagaimana IBUFEN berfungsi
3. Sebelum menggunakan IBUFEN
4. Cara menggunakan IBUFEN
5. Semasa menggunakan IBUFEN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan IBUFEN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan IBUFEN

IBUFEN digunakan untuk

- Melegakan tanda-tanda dan simptom- simptom *rheumatoid arthritis* dan *osteoarthritis*.
- Melegakan kesakitan ringan dan sederhana.
- Sebagai ejen anti-gout untuk merawat keadaan keradangan *non-rheumatic*
- Untuk melegakan sakit haid.

## Bagaimana IBUFEN berfungsi

Ibuprofen menghentikan pengeluaran sejumlah besar prostaglandin apabila anda mengalami penyakit atau kecederaan. Apabila Ibuprofen menghalang pengeluaran prostaglandin, ia berfungsi di tempat sakit untuk membantu melegakan kesakitan dan mengurangkan keradangan.

## Sebelum menggunakan IBUFEN

- Bila tidak boleh menggunakan  
Jika anda mempunyai hipersensitif kepada Aspirin atau Ibuprofen.

Mengandung dan menyusukan anak  
Jangan ambil IBUFEN jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil IBUFEN jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan IBUFEN

Beritahu doktor anda jika anda  
- Mempunyai pendarahan tidak teratur, penyakit kardiovaskular, ulser perut atau dengan sejarah

ulser

- Jika anda sedang menerima *coumarin anticoagulants*
- Jika anda adalah pesakit dengan tekanan darah tinggi, asma, masalah pernafasan, kegagalan jantung dan kegagalan buah pinggang.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan antikoagulan oral, diuretik thiazide atau sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan IBUFEN

- Berapa banyak harus digunakan

### IBUFEN SYRUP

Kanak-kanak: 20 mg / kg berat badan setiap hari dalam dos dibahagikan. Ini boleh dicapai seperti berikut:

1 - 2 tahun: Satu sudu 2.5 ml (50 mg) 3 - 4 kali sehari.

3 - 7 tahun: Satu sudu 5 ml (100 mg) 3 - 4 kali sehari.

8 - 12 tahun: Dua sudu 5 ml (200 mg) 3 - 4 kali sehari.

### IBUFEN TABLET 200MG

### IBUFEN TABLET 400MG

Dewasa: 400 mg hingga 600 mg 3 kali sehari.

Maintenance: 200 mg hingga 400 mg 3 kali sehari. Dos ini boleh meningkat kepada 2.4 g setiap hari jika perlu.

Kanak-kanak: 20 mg / kg berat badan setiap hari dalam dos yang dibahagikan dengan maksimum 500 mg bagi mereka yang mempunyai berat kurang daripada 30 kg.

Tidak disyorkan untuk kanak-kanak yang beratnya kurang dari 7 kg atau kurang dari 1 tahun.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan muntah-muntah dan pendarahan gastrousus.

## Semasa menggunakan IBUFEN

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan IBUFEN.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

# IBUFEN SYRUP/TABLET

Ibuprofen (100mg/5ml, 200mg, 400mg)

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi IBUFEN dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ambil ubat dengan makanan atau susu, untuk mengelakkan gangguan gastrousus.

Jika sakit perut akut, pendarahan perut, cirit-birit yang teruk atau ruam yang teruk pada kulit berlaku, berhenti menggunakan ubat dan dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, IBUFEN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang biasa:

- Gangguan gastrousus.
- Ulser peptik dan pendarahan gastrousus.
- Sakit kepala, pening, gemuruh, ruam kulit, gatal-gatal, bunyi deringan dalam telinga, bengkak, kemurungan, mengantuk, insomnia, penglihatan kabur dan reaksi mata.
- Reaksi hipersensitiviti, keabnormalan ujian fungsi hati, kemerotan fungsi buah pinggang, bilangan sel darah putih yang rendah dan bilangan platelet yang rendah.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) (*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan IBUFEN**

- Penyimpanan

**IBUFEN SYRUP**

Jauhi dari kanak-kanak  
Pastikan bekas ditutup rapat  
Jangan simpan melebihi 30°C  
Lindungi daripada cahaya

**IBUFEN TABLET 200MG**

Jauhi dari kanak-kanak  
Jangan simpan melebihi 30°C  
Lindungi daripada cahaya

**IBUFEN TABLET 400MG**

Jauhi dari kanak-kanak  
Jangan simpan melebihi 30°C  
Lindungi daripada cahaya

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

**IBUFEN SYRUP**

Sirap tidak berwarna, legap, dan lembut dengan perisa epal.

**IBUFEN TABLET 200MG**

Tablet berbentuk bujur, bersalut lapisan berwarna putih; saiz tablet: [(14.2x8.0) ± 0.20] mm.

**IBUFEN TABLET 400MG**

Tablet berbentuk bujur, bersalut lapisan berwarna putih; saiz tablet: [(17.4x8.8) ± 0.20] mm.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Ibuprofen

- Bahan tidak aktif

**IBUFEN SYRUP**

Gula, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin, Rhodigel, Tragacanth, Apple Flavour, Purified Water, Sorbitol 70%

**IBUFEN TABLET 200MG**

Purified Water, Starch, Lactose, Sodium Starch Glycolate, PVP K90, Kollidon CL, Magnesium Stearate, Aerosil, Croscarmellose Sodium, Methocel E15LV (Cotacel C15/HPMC), Calcium Carbonate

**IBUFEN TABLET 400MG**

Purified Water, Starch, Lactose, Sodium Starch Glycolate, PVP K90, Kollidon CL, Magnesium Stearate, Aerosil, Croscarmellose Sodium, Methocel E15LV (Cotacel C15/HPMC), Calcium Carbonate

- Nombor MAL

**IBUFEN SYRUP**

MAL19984404AZ

**IBUFEN TABLET 200MG**

MAL19910167AZ

**IBUFEN TABLET 400MG**

MAL19910168AZ

**Pengilang & Pemegang Pendaftaran**

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1,  
Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3,  
13600 Perai, Pulau Pinang,  
MALAYSIA

**Tarikh kemaskini RiMUP**

15/07/2025

**Nombor Siri**

NPRA(R2/1)250714/1503